

Parameter Penulisan Wasatiyyah Pendakwah untuk Menangani Ekstremis Melayu Muslim Menerusi Media Sosial

Parameters of Writing Wasatiyyah Preachers on Social Media in Dealing with Muslim Malay Extremists

MOHAMAD ZULKIFLI ABDUL GHANI^{1*}, NUR NAZIRA RAHIM¹, KHAZRI OSMAN¹
& ROSMAWATI MOHAMAD RASIT¹

¹Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding Author ; email: zulghani@ukm.edu.my

Received: 24 February 2022 /Accepted: 9 June 2022

ABSTRAK

Fenomena ekstremisme agama bukanlah perkara baru dalam kehidupan manusia. Perkembangan teknologi dalam dunia kini secara tidak langsung cuba menjejaskan kehidupan orang Melayu Islam khususnya dalam penulisan di media sosial. Kumpulan ekstremis menjadikan media sosial sebagai salah satu platform untuk menyebarkan ideologi mereka. Medium tanpa sempadan ini menyebabkan kumpulan pelampau menyebarkan maklumat secara bebas dan mudah sehingga menyebabkan masyarakat Melayu Islam terpedaya dengan fahaman ekstrem. Pelbagai tulisan yang berbentuk ekstremis dan longgar bertebaran dalam masyarakat seperti tulisan yang mengelirukan tanpa ada sandaran rujukan, berita yang dipenuhi dengan fitnah, berita yang tidak benar, tulisan yang memburukkan ulama silam dan tulisan yang meragui kesahihannya tanpa menggunakan kaedah yang betul. Kajian ini bertujuan mengkaji parameter penulisan pendakwah wasatiyyah dalam menangani pelampau Melayu Islam. Kajian ini diperolehi menggunakan metodologi kualitatif iaitu melalui kaedah temu bual dengan 4 orang informan dan melalui perbincangan meja bulat yang terdiri daripada 5 orang panel. Pemilihan informan ditentukan secara persampelan bertujuan. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian Atlas.ti. Hasil kajian ini mendapati bahawa antara parameter pemikiran wasatiyyah pendakwah dalam menangani pelampau Melayu Islam ialah pembuktian kaedah (manhaj) pembuktian yang sah dan tepat menurut ahli sunnah wal jamaah, sumber rujukan yang muktamad dan mengiktiraf keserjanaan keilmuan silam. Implikasi daripada ukuran ini boleh dijadikan panduan kepada pendakwah dalam menangani golongan ekstremis Melayu Islam.

Kata kunci: Parameter; penulisan; Wasatiyyah pendakwah; ekstrem; Melayu Muslim

ABSTRACT

The phenomenon of religious extremism is not new in people's lives. The development of technology in the world of chemo indirectly seeks to affect the lives of Malay Muslims, especially in writing on social media. Extremist groups make social media one of the platforms to spread their ideology. This borderless medium caused extremist groups to spread information freely and easily, causing the Muslim Malay community to become deceived by extreme ideology. Various extremist writings are loose and scattered in society such as writings that are unquestioned and filled with slander, untrue news that is censored, writings that worsened the past scholars and writings that doubted their validity without using the right methods. This study aims to determine the parameters of writing wasatiyyah preachers in dealing with Muslim Malay extremists. This study was obtained using qualitative methodology, namely through the method of interviewing with 4 informants and through round table discussion consisting of 5 panels. The selection of informants is determined by purposive sampling. The data obtained is analyzed descriptively using Atlas.ti software. The results of this study found that among the parameters of wasatiyyah thought of preachers in dealing with Muslim

Malay extremists is the proof of valid and precise method (manhaj) of proof according to members of the sunnah wal jamaah, sources of reference that are muktabar and recognize the scholarly scholarship of the past. The implications of this measurement can be used as a guide to preachers in dealing with Muslim Malay extremists.

Keywords: Parameters; Writing; Wasatiyyah preacher; Extreme; Malay Muslim

PENGENALAN

Era globalisasi ialah era yang amat mempengaruhi pembudayaan dan kehidupan masyarakat. Hal ini menyebabkan ideologi ekstrem disebarkan dengan begitu mudah tanpa kawalan sedangkan ajaran ini bertentangan dengan fitrah manusiawi serta norma budaya tempatan (Sohana 2016:215). Perkembangan teknologi media baharu terutamanya internet telah mencabar sistem nilai yang telah berakar umbi sejak sekian lama dalam masyarakat. Bukan sekadar itu, media baharu turut menyebabkan dunia komunikasi berubah secara sekali gus memberikan kesan kepada kehidupan masyarakat Melayu (Yuszaidy & Ghaddaffi 2015). Ideologi ekstremisme boleh tersebar dengan pelbagai cara dan salah satunya menerusi medium internet khususnya penulisan melalui media sosial Imran et al. (2018). Pengaruh internet ini diperkukuhkan lagi dengan kebolehan dan kekuatan alternatif media sosial khususnya (Maynard et al. 2017). Jika fenomena ini tidak diatasi dengan betul, dibimbangi keharmonian beragama dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim di Malaysia khususnya dan di rantau ini amnya akan terjejas serta menyebabkan mudarat yang lebih besar pada masa akan datang (Imran et al. 2018).

Di Malaysia, laporan menunjukkan beberapa kes aktiviti ekstremisme dilakukan oleh *al-Dawla al-Islamiya al-Iraq al-Sham* atau Daesh. Kumpulan ini pada mulanya menentang ancaman daripada Barat. Lama-kelamaan Daesh turut memfatwakan serangan atau pembunuhan yang dilakukan terhadap mana-mana negara, organisasi atau individu Muslim yang dianggap berpakat dan bersubahat dengan Barat sebagai halal. Barat berusaha menghapuskan kumpulan ini termasuk di Syria. Akan tetapi ajaran yang disebarkan oleh golongan ini terus berkembang ke Asia Tenggara dan negara-negara lain di dunia. Kebanyakan ahli Daesh terdiri daripada bekas pengikut Jemaah Islamiah dan membabitkan pelajar dan golongan muda. Fenomena ini amat membimbangkan kerana menunjukkan ekstremisme agama diwakili oleh golongan yang berselindung di sebalik nama Islam walaupun tindakan mereka jauh tersasar daripada ajaran Islam yang suci lagi benar (Muhd Imran et al. 2016). Tanpa perasaan bersalah, mereka memperalatkan teknologi digital terutama media

sosial untuk menyebarkan dakwah atas nama agama. Antara dakwah yang disebarkan ialah perjuangan penubuhan negara Islam yang menguatkuasakan undang-undang Islam melalui jalan revolusi. Istilah revolusi merujuk usaha mengubah sesebuah kerajaan, sistem politik atau sistem sosial yang menggunakan pendekatan radikal dan kekerasan. Golongan terbabit enggan bertolak ansur dengan sebarang unsur yang tidak sesuai dengan pendirian mereka yang berlaku dalam masyarakat lalu berusaha menghapuskannya melalui jalan kekerasan (Mohamed Ali 2012).

Jelas bahawa penyebaran ideologi ekstrem melalui penulisan dalam media sosial semakin rancak. Hal ini seiring dengan konsep “langit terbuka” yang memungkinkan media sosial boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Penyebaran dakwah Islam dan maklumat agama yang sebenar berlandaskan wasatiyyah tidak dapat disampaikan kepada segenap lapisan masyarakat Muslim oleh kerana lambakan maklumat ekstrem berkaitan Islam dan dakwah tersebar secara meluas (Noor Azaiian 2017: 3). Oleh yang demikian, golongan agamawan khususnya para pendakwah wajar menangani golongan ekstremis ini dengan memahami dan mendalami elemen penulisan wasatiyyah agar golongan agamawan ini sendiri tidak membawa dan mempengaruhi masyarakat Melayu Muslim dengan ideologi ekstremis. Menurut Kamilia (2021) golongan pendakwah sebagai kader masyarakat yang memahami wasatiyyah beragama yang direalisasikan dalam bentuk komitmen kebangsaan, toleransi beragama, dakwah tanpa kekerasan dan perilaku akhlak terhadap budaya setempat.

KAJIAN LITERATUR

Sesungguhnya fenomena ekstremisme dalam beragama bukanlah hal yang baharu. Namun begitu, semenjak akhir-akhir ini didapati kejadian keganasan yang dilakukan oleh golongan pelampau, radikal ataupun ekstrem ini bukan sahaja memfokuskan non-Muslim sebagai mangsa malahan turut melakukannya terhadap masyarakat Islam sendiri. Dengan kata lain, masyarakat Islam berhadapan dengan perlakuan secara keganasan oleh golongan seagama mereka (Zul’Azmi Yaakob & Ahmad Sunawari Long

2015: 58). Sikap *ghuluw* atau berlebih-lebihan mengamalkan ajaran agama, kolot, keras, kaku dan konservatif ini sudah ada sejak sebelum kedatangan Islam (Sihabudin 2016). Apabila era digital mula mencorakkan kehidupan manusia, golongan ekstremis menggunakan peluang ini untuk merekrut ahli, mengumpul dana dan mengkomunikasikan doktrin mereka dengan lebih meluas (Gordon et al. 2015). Pengaruh golongan ekstremis agama ini umpama api dalam sekam atau perbuatan jahat yang tersembunyi. Mereka mengembangkan dan meluaskan fahaman mereka dengan menjadikan penulisan sebagai wasilah selain memuat naik video dalam internet dengan cara yang amat halus, bijak dan berkesan (Ferguson 2016). Dari perspektif yang lain, iaitu perspektif positif masyarakat Islam di Malaysia mampu mengurus dan menyusun hal berkaitan ekstremisme dengan mengambil pendekatan sewajarnya dalam menghadapi isu-isu ekstremisme dengan mengikut arahan dan keputusan pihak berkuasa. Dapatan ini juga menunjukkan gerakan aliran ini masih lagi terkawal namun perlu sentiasa dipantau bagi mengekalkan keharmonian beragama dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia (Ahmad Munawwar 2020). Para pendakwah memainkan peranan penting untuk membimbing dan memastikan keadaan ini dapat diteruskan dan masyarakat berada dalam keharmonian. Namun jika keadaan ini tidak dikawal boleh membawa kepada kecenderungan tersebabnya penulisan yang ekstrem dalam masyarakat.

CIRI PENULISAN *GHULUW*

Penulisan yang ekstrem mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Menurut al-Qaradawi (1990), terdapat enam ciri yang boleh menilai kecenderungan seseorang terhadap amalan ekstrem atau sebaliknya, iaitu fanatik kepada satu pendapat dan tidak mengakui pendapat orang lain, mewajibkan orang lain dengan sesuatu yang tidak diwajibkan oleh Allah SWT, bersikap keras dalam perkara cabang atau *furu'*, ketegasan yang melampau dalam perkara yang diselisahkan (khilafiah), kesat dalam tutur kata dan keras dalam penyampaian dakwah, prasangka buruk pada orang lain dengan mereka-reka tuduhan tidak berasas dan mengkufurkan orang lain dengan cara sewenang-wenangnya serta menghalalkan darah dan harta bendanya. Huraian bagi setiap ciri ini diperincikan seperti yang berikut:

Fanatik Terhadap Pandangan Tertentu

Sikap ekstrem dalam amalan agama, contohnya berlebih-lebihan dalam masalah ibadah seperti solat sepanjang malam tanpa tidur, puasa terus menerus dan termasuk juga pandangan kelompok tertentu yang menjadikan perkara yang tidak wajib sebagai wajib. Ada juga yang menjadikan perkara yang asalnya mubah dalam agama menjadi makruh ataupun haram. Golongan ini menganggap diri mereka sebagai pemegang kebenaran. Dengan mudahnya mereka meremehkan para ulama yang tidak memiliki kefahaman yang sama dengan mereka sekali gus menjauhi mereka. Cara beginilah yang dikatakan bersikap fanatik terhadap salah satu pandangan (Sihabuddin Afroni 2016). Sikap fanatik berlebihan ini mengakibatkan seorang akan menutup diri dari pendapat kelompok lain dan menyatakan bahawa pandangannya sahaja yang paling benar. Pandangan yang berbeza adalah salah. Malah, sikap ekstrem yang paling berbahaya tatkala sampai ke tahap mengkafirkan orang lain, bahkan menghalalkan darahnya. Menurut Umar Abdullah (2002) ada sesetengah pemuda yang menelaah karya tertentu atau belajar daripada guru tertentu yang menggunakan pendekatan ekstrem atau terlalu mudah menghukum. Akibatnya mereka menjadi terlalu fanatik dan taasub dengan ilmu yang dipelajari yang akhirnya menjadi faktor berlakunya fitnah dalam masyarakat. Golongan pelampau atau *ghuluw* ini dianggap sebagai golongan yang mengetepikan hikmah dan kebijaksanaan ketika berdakwah. Mereka ini sebaliknya berfikiran sempit, terburu-buru dan mengikut hawa nafsu menghukum orang lain termasuklah sesama umat Islam sendiri, seterusnya menggunakan pendekatan kekerasan untuk memastikan matlamat mereka tercapai (Zul'Azmi Yaakob & Ahmad Sunawari Long 2015).

Penulisan Luar Bidang

Penulisan dalam internet yang bersifat terbuka dan bebas membolehkan sesiapa sahaja menyampaikan fikrahnya walaupun fikrah itu luar bidang kepakarannya. Ruang yang bebas ini menjadikan mereka taasub untuk menjawab sesuatu hukum atau isu walaupun mereka tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Hal ini menyebabkan berlakunya lambakan dan kebanjiran maklumat agama secara berlebihan yang belum pasti kesahihannya. Menurut Noor Azian (2017) maklumat pengajaran Islam juga dilihat telah mengalami fasa ini yang menyebabkan masyarakat Melayu Muslim semakin

dihimpit oleh timbunan maklumat agama atas talian secara tidak terkawal. Gejala yang berlaku tanpa kawalan mencelarukan maklumat yang mengundang perasaan takut yang berlebihan terhadap sesuatu fenomena dan kekeliruan minda. Golongan ekstremis ini menggunakan peluang ini untuk mempersulit dan menyempitkan amalan keagamaan. Pemahaman yang tidak jelas dalam pengamalan agama sering menjadi faktor utama golongan agamawan terjerumus dalam tindakan ekstrem (Sihabuddin Afroni 2016). Hal ini boleh berlaku disebabkan mereka berlagak seolah-olah mengetahui semua bidang ilmu walaupun sebenarnya mereka bukanlah pakar yang sebenar. Ada dalam kalangan pembaca tidak menyedari bahawa dia membaca bahan bacaan yang tidak dapat dipastikan kesahihannya. Disebabkan ilmu yang kurang mantap, pembaca tersebut tidak mampu memahami kehendak sebenar bahan yang dibaca. Hal ini jika dibiarkan boleh mengakibatkan kefanatikan dalam beragama.

Prejudis Terhadap Orang Lain

Ada individu yang suka mengamalkan sikap prejudis terhadap orang lain, bahkan sehingga sanggup mengkafirkan kerana merasakan dirinya paling benar dan tidak melakukan sebarang kesalahan. Menurut Burhanuddin (2018) golongan ekstrem sangat mudah berburuk sangka dengan menuduh orang yang tidak sehaluan dengan tuduhan pelaku maksiat atau kafir. Dia sentiasa mencari-cari kesalahan orang tersebut bahkan menyembunyikan kebajikannya. Kesalahan yang kecil diperbesar-besarkan sehingga menyebabkan pelakunya dianggap telah menjadi kafir. Menurut Umar Abdullah (2002) sikap mempermudah-mudahkan hukum *takfir* atau mengkafirkan orang lain menjadi faktor perpecahan umat dan buruk sangka terhadap orang lain. Sejarah telah membuktikan bahawa sikap terlalu ekstrem sebegini telah menghancurkan umat terdahulu. Sikap berprasangka buruk seperti ini boleh berlaku disebabkan apabila mereka terlalu bersemangat mengamalkan ajaran agama tetapi mempunyai ilmu yang sedikit. Mereka hanya mempelajari sebahagian ilmu sahaja seperti belum mempelajari al-Quran dan hadis secara menyeluruh namun cepat menyimpulkan sesuatu hukum berdasar pengetahuannya yang minimum. Menentukan hukum secara langsung dari nas secara literal walhal mereka ini tidak mengetahui tujuan-tujuan syariat, pemahaman yang literal, tidak peduli dengan konteks nas, keadaan manusia dan perubahan zaman (Sihabuddin Afroni 2016).

Sikap ekstrem, keras dan melampau dalam beragama sangatlah ditentang dalam ajaran Islam. Maka, kecenderungan sikap dan pemikiran ekstrem, radikal, di kalangan sebahagian umat Islam yang berkembang sehingga kini, dapat dibendung dan dicegah dengan memaparkan fakta sejarah bahawa agama ini berjalan atas prinsip kemudahan dan keseimbangan. Semua sikap ini dilarang dalam agama Islam sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran dan sunnah. Islam melarang umatnya bertindak ekstrem, melampaui batas, fanatik, dan melakukan kekerasan. Namun di satu sisi, segelintir pendakwah bersikap ekstrem, keras, dan *literalist* dalam membawa pandangan keagamaan. Di sisi yang lain, ada kelompok yang berpandangan sangat longgar dan cenderung mengabaikan prinsip-prinsip utama dalam agama. Para pendakwah khususnya perlu memahami elemen sebenar penulisan wasatiyyah agar ia dapat dipraktikkan dalam dakwah kepada masyarakat Melayu Muslim tanpa melanggar batasan syariat.

CIRI PENULISAN WASATIYYAH

Penulisan *wasatiyyah* ialah penulisan yang mengajak pembaca memahami konsep Islam secara holistik menggunakan pendekatan yang seimbang. Selain itu, penulisan *wasatiyyah* sepatutnya menyebabkan kesejahteraan bukan perseteruan dan perbalahan, tidak mengandungi buruk sangka dan prejudis, tohmahan, menghukum dengan hukum tanpa berlandaskan syariat, bersandarkan pada rujukan yang muktabar serta diakui oleh para ulama. Dasar utama penulisan wasatiyyah mestilah al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Abdul Hafiz (١١٠٢), penulisan sirah Rasulullah SAW wajar dijadikan contoh kerana meletakkan susunan rujukan pada kedudukan yang betul bermula daripada yang paling utama iaitu al-Quran. Penulis sirah tidak boleh meletakkan semua rujukan pada kedudukan yang sama. Sebaliknya dia hendaklah memberikan kepercayaan kepada para ulama untuk menghuraikan maksud yang dikehendaki dalam memahami nas al-Quran dan al-Sunnah terutama kepada mereka yang sezaman terlebih dahulu kerana mereka lebih memahami apa yang berlaku. Kemudian diteruskan oleh ulama seterusnya dalam menyampaikan kepada generasi yang seterusnya.

Penulisan berdasarkan Kerangka al-Quran dan Sunnah

Penulisan *wasatiyyah* mestilah selari dan bertepatan berdasarkan dalil dari al-Quran dan sunnah bukan berdasarkan hawa nafsu, prasangka bagi kepentingan

musuh-musuh agama. Dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran secara jelas menyeru umat Islam bersikap adil, moderat, seimbang dan melarang bersikap berlebih-lebihan (*ghuluw*), mempersulit dan menyempitkan sesuatu keadaan. Secara lebih tepatnya penulisan *wasatiyyah* menghindari sikap ekstrem. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 143:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ

Maksudnya:

“Dan demikian pula kami telah menjadikan kamu (umat Islam) sebagai ummat pertengahan (ummatan wasata)”.

Oleh itu, penulisan *wasatiyyah* jelas perlu didasarkan pada al-Quran dan sunnah kerana matlamat akan tercapai dengan menjadikan wahyu Allah SWT sebagai rujukan (Mohamad Zulkifli & Zulkefli Aini 2018). Menurut Muhammad Awamah (2013) setiap pendakwah perlu dilatih untuk merujuk sumber asal yang sahih. Sumber yang paling sahih ialah al-Quran dan al-Sunnah. Kedua-dua sumber ini merupakan asas kepada pemahaman *wasatiyyah* dalam membangunkan masyarakat.

Mempunyai Rujukan yang Muktabar

Penyakit berbahaya yang menimpa umat Islam akhir zaman ini adalah berasa diri sudah alim hingga tidak perlu mengikut ulama muktabar yang diiktiraf atau tradisi pendidikan sebenar. Lebih teruk lagi, apabila mereka berasa sudah cukup dengan merujuk al-Quran dan hadis, sekali gus meminggirkan tafsiran serta penjelasan oleh ulama (Nazmi 2019). Menurut Muhammad Awamah (2013) para ulama merupakan sumber rujukan dalam membina kefahaman terhadap al-Quran dan al-Hadis melalui kaedah tertentu yang telah digariskan. Sukar bagi seorang penuntut ilmu mampu menguasai ilmu dengan hanya merujuk kepada seorang guru sahaja dan membaca sebuah kitab sahaja. Oleh itu, rujukan sangat penting bagi seseorang dengan merujuk guru dan kitab yang muktabar supaya tidak tersasar daripada landasan *wasatiyyah*. Masyarakat Islam menyanjung tinggi nilai kandungan maklumat keagamaan yang menyebabkan maklumat Islam itu sendiri sentiasa berada pada tempat yang paling berintegriti. Dalam menuju matlamat dakwah, kandungan maklumat agama melalui Internet dilihat terlalu terbuka dan bebas tanpa tapisan serta boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja dengan cara memuat turun berita secara bebas.

Keadaan ini sudah tentu mencabar integriti maklumat dalam Islam daripada sumber yang berautoriti. (Noor Azaian: 2017).

Keadilan Meletakkan Sesuatu Pada Kehendak Setempat

Keadilan adalah nilai *wasatiyyah* yang bersifat universal. Keadilan merupakan nilai *wasatiyyah* yang utama kerana berlawanan dengan sifat ini adalah sifat yang melampaui batasan iaitu kezaliman, dan penindasan (Izzat Amsyar 2017: 16). Dalam penulisan, penyampaian yang disampaikan perlu adil dan seimbang tanpa taasub terhadap sesuatu pandangan. Islam mensyariatkan umatnya untuk menegakkan keseimbangan dalam segala hal. Oleh sebab itu, setiap sesuatu haruslah dipandang secara integral dan berdasarkan ilmu agar menghasilkan pandangan yang seimbang dan moderat. Tidak terjerumus dalam ifrat (menyempitkan) mahupun sebaliknya tafrit (meremehkan) (Sihabuddin Afroni 2016). Menurut Umar Abdullah (2002) mereka yang ekstrem dan fanatik biasanya tidak seimbang dalam menilai tulisan para ulama iaitu dengan hanya merujuk kepada satu rujukan sahaja, membaca beberapa helaian tanpa keseluruhannya, menilai ikut kehendak dirinya dan tanpa merujuk kepada pandangan jumur ulama. Tindakan ini membawa kepada mudah menghukum sesiapa yang tidak sealiran seperti kafir, syirik dan sebagainya.

Penulisan *wasatiyyah* disertai dengan penilaian yang kritis terhadap sesuatu isu yang berlaku tanpa prejudis terhadap satu pandangan sahaja dan terus membuat keputusan. Keputusan yang dilakukan tanpa menilai pandangan jumur boleh menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan dalam menilai pandangan yang terbaik dan paling tepat dalam situasi dan keadaan tertentu. Menurut Muhammad Faisal et al. (2018) skop *wasatiyyah* ialah gabungan hikmah yang meliputi keadilan, kebaikan, toleransi, kerjasama, menghargai persamaan, menerima kepelbagaian budaya atau etnik dan sikap yang optimis terutama dalam penulisan agar ia tidak menimbulkan kekeliruan dan salah faham dalam masyarakat

METODLOGI

Dapatan kajian ini diperoleh menggunakan metodologi kualitatif iaitu melalui kaedah temu bual bersama 4 orang informan dan menerusi perbincangan meja bulat (round table discussion) yang terdiri daripada

5 orang panel. Kesemua informan tersebut telah ditentukan secara bertujuan (purposive sampling). Pemilihan informan tersebut berdasarkan ciri-ciri berikut: i) Ahli Akademik atau Pendakwah bebas ii) Berumur 40-50 tahun iii) Terlibat atau memegang jawatan dalam pertubuhan berbentuk kemasyarakatan atau sosial iv) Tidak terlibat dengan kontroversi. Di peringkat awal, kajian literatur dijalankan merangkumi kajian lepas, buku, dokumen, jurnal dan sebagainya yang berkaitan dengan ekstremisme. Berdasarkan kajian literatur, beberapa isu dan soalan telah ditetapkan dan dibincangkan ketika sidang meja bulat dan temu bual berlangsung. Kesemua data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis deskriptif berbantuan perisian Atlas.ti. Data daripada temu bual ini dirakam, dijadikan transkrip verbatim dan dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Teks transkrip yang telah dikategorikan tadi dinilai, dibandingkan, di kategori, digabungkan dan diberikan tema utama. Proses analisis data menggunakan apa yang dicadangkan oleh Othman (2009) yang mana menjelaskan bahawa analisis data sebagai proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data yang dikumpul.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Islam adalah jalan yang lurus, syariatnya kekal dan sesuai setiap masa dan tempat. Keadaan manusia sebelum kedatangan Islam terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan pertama rigid dan ekstrem (ifrat) dan golongan kedua pula cuai dan terlalu longgar (tafrit). Setelah kedatangan Islam, lalu ianya menggariskan manhaj pertengahan (wasatiyyah) dalam semua urusan hidup manusia. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir golongan agamawan atau pendakwah yang tidak memahami konsep sebenar wasatiyyah sehingga melebihi-lebih dalam menyampaikan sesuatu perkara. Maka berikut merupakan parameter penulisan wasatiyyah pendakwah bagi menangani ekstremis dalam kalangan Melayu Muslim khususnya:

MEMASTIKAN KAEDAH (MANHAJ) PENDALILLAN YANG SAHIF DAN TEPAT MENURUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Dalam penulisan, aspek utama yang perlu diambil kira adalah memastikan kaedah (manhaj) pendalillan yang sahif dan tepat menurut ahli sunnah wal jamaah. Menurut Adam (2016) pentafsiran Ahli Sunnah

Wal Jamaah menurut para ulama adalah merujuk kepada golongan Asyairah dan Maturidiah. Menurut Aiman (2019) umat Islam Melayu adalah umat yang berpegang dengan mazhab mazhab Ash'arī dari segi iktikad, beramal dengan mazhab Syafi'ī dari segi fikah, dan menuruti tasawuf Imam al-Ghazālī dari segi akhlak. Inilah tiga asas Ahli Sunnah Wal Jamaah di Alam Melayu khususnya. Berdasarkan dapatan temubual, menurut informan 4 terdapat segelintir pendakwah yang tidak menghormati khilaf dan merasakan pemikiran dia sendiri telah mengikut al-Quran dan sunnah. Walhal mereka tidak faham beza al-Quran dan sunnah dan kefahaman dalam Quran dan sunnah. "Dia rasa kefahaman dia tu la al-Quran dan sunnah padahal setiap mazhab muktabar ada kaedah tersendiri tetapi mereka ini mengikut al-Quran dan sunnah dengan kaedah kefahaman masing-masing sehingga menafsirkan atau menggunakan sesuatu dalil yang tidak tepat dalam penyampaian mereka walhal dalam al-Quran dan sunnah sendiri telah sedia ada kaedah-kaedah tertentu dalam menjawab sesuatu perkara". Dapatan kajian Mardzelah et al. (2016) menyatakan bahawa kedua-dua sumber tersebut telah menggariskan strategi dan pendekatan yang boleh dijadikan panduan bagi membentuk kaedah-kaedah yang tepat dan sesuai yang dapat membawa umat manusia ke arah kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Dalam perbincangan meja bulat, panel 2 juga menyatakan pendakwah secara tidak langsung membawa ideologi ekstremis ini apabila mereka ini tidak pandai memetik dalil. Menurutnyanya: "*Kalau kita lihat perpecahan pada zaman awal pun kerana dalam hendak memahami al-quran kerana masalah qada qadar, jabariah dan sebagainya sehingga menimbulkan kefahaman-kefahaman yang lain*". Di Malaysia ini dilihat lebih selesa meletakkan fahaman mazhab Shafi'i ini sebagai mazhab utama. Justeru dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat awam khususnya golongan Melayu Muslim, lebih utama jika pendakwah tersebut menerangkan berdasarkan mazhab Shafi'i dengan menggunakan hujah dan dalil yang tepat agar tidak menimbulkan kekeliruan dalam pengamalan agama khususnya. Hal ini dipersetujui panel 4 "*Boleh untuk kita bincang khilaf sesuatu pandangan, tetapi bergantung kepada siapa mad'u kita, orang awam atau ahli akademik, pelajar atau sebagainya*". Justeru penggunaan kaedah (manhaj) pendalillan yang tepat menurut ahli sunnah wa al-jamaah dalam masyarakat melayu muslim di Malaysia amat penting dalam usaha menangani penyebaran ekstrem yang membawa kepada konflik dan persengketaan.

MEMASTIKAN SUMBER RUJUKAN YANG MUKTABAR MENGIKUT MAZHAB

AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Di Malaysia terdapat banyak juga ajaran sesat yang ekstrem seperti Imam Mahdi, al-Arqam juga di kategori ekstremis cuma walaupun tidak sampai dalam tahap membunuh atau berperang tetapi mereka ekstrem dalam fahaman, kelompok dan golongan mereka. Menurut informan 1 “*Kebanyakan rata-rata kita tengok ajaran sesat ini mengajak kepada pemikiran ekstrem, tinggal keluarga, tinggal suami isteri dan sebagainya. Kalau kita tengok kenapa berlaku sedemikian, ia adalah disebabkan kejahilan, tidak bersua dengan para ulama, tidak merujuk kepada sumber yang betul*”. Ada di antara mereka kadang-kadang dah rujuk, tapi rujukan yang salah. Sebab itu pendakwah ini perlu memastikan sumber rujukan yang muktabar mengikut mazhab ahli sunnah wal jamaah.

Kedua, informan 1 menegaskan yang paling bahaya ialah mereka ini tidak merujuk kepada turath. Tidak membaca turath ulama. Bagaimana disiplin ilmu itu difahami. “*Jika mereka tidak membaca turath ulama keseluruhannya sama ada ulama hadis, ulama akidah, ulama feqah dan bidang-bidang ilmu yang lain. Jadi sebab itu kalau kita baca, tengok kritikan kritikan ulama terhadap tokoh-tokoh wahabi atau tokoh salafi yang ada sekarang sama ada di Mesir banyak mereka ini mengkritik ulama dulu. Jadi sekarang kritikan terhadap teks turath itu walaupun dah diterima ribuan tahun. Ini menimbulkan suatu ekstremis baru sebab mereka tidak merujuk kepada turath, tidak ada disiplin ilmu, walaupun mereka itu mendakwa membaca al-Quran dan hadis*”. Disebabkan itu pentingnya dalam Islam bila kita belajar kita akan belajar daripada guru itu disiplin, bagaimana ilmu akidah ini difahami dan bagaimana pula kita ini memahami teks-teks para ulama terdahulu berkaitan dengan akidah, feqah dan juga syariah, dakwah. Hal ini kerana apabila kita menggunakan hadis dan quran tetapi kita faham di luar konteks sebenar, maka rosaklah. Bila rosak maka berlaku ekstrem.

Menurut informan 3, terma rujukan yang digunakan pendakwah ini yang menentukan bagaimana kita menjadi wasatiyyah ini, dengan kita memperteguh manhaj ahli sunnah waljamaah. Manhaj ahli sunnah adalah kita ta’awil. Perkukuhkan manhaj ini, orang takkan jadi ekstrem. Neraca yang menjadi

rujukan itu memang asas ahli sunnah yang menjadikan masyarakat kita aman dan kepelbagaian sehingga kini (Informan 3). Ia disebabkan huraian dari ahli sunnah waljamaah itu sendiri sudah jelas untuk kita memahami sama ada ekstrem atau tidak ekstrem. Maka disini tugas pendakwah dalam menangani gejala ekstrem dan radikal adalah pendakwah itu sendiri perlu ada rujukan yang muktabar. Informan 3 juga menyarankan dalam penulisan, para pendakwah boleh mengetengahkan dan mempromosikan panduan atau fatwa dari pihak berkuasa agama bukan mengeluarkan pandangan atau agenda peribadi yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat Melayu Muslim. Hasil dapatan meja bulat juga mendapati apabila melibatkan orang awam, fatwa itu adalah mazhab umum bagi mereka. Maka terangkan dengan jelas justifikasi sesuatu isu berdasarkan ahli sunnah wal jamaah, bukan membangkitkan isu-isu khilafiah yang boleh menjadi perdebatan antara satu sama lain khususnya melalui media sosial. Namun pendakwah perlu cakna bagaimana justifikasi ahli sunnah wal jamaah itu perlu disampaikan kepada masyarakat.

MENGIKTIRAF KESARJANAAN ULAMA SILAM

Dalam penulisan berkaitan agama khususnya melalui media sosial, penulis perlu peka akan siapa rujukan mereka. Antaranya menurut informan 1 “*Aspek yang penting dalam parameter penulisan adalah perlu merujuk sumber-sumber yang betul dalam Islam. Sumber muktabar yang perlu dirujuk ulama-ulama yang sederhana bukan ulama yang ekstrem ataupun pandangan-pandangan syaz dalam pandangan ulama yang dijadikan ikutan*”. Jadi sebab itu, seorang pendakwah dalam aspek penulisan perlu memberi fokus kepada sumber-sumber ahli sunnah wal jamaah. Dengan merujuk kepada sumber-sumber yang betul dan tidak mengemukakan pendapat-pendapat *shaz*. Tambahnya “*Jika kita tengok rata-rata golongan ekstremis ini sama ada ekstremis liberal, ekstremis agama yang bersifat salafi sekarang, kebanyakan mereka ini tidak mempunyai sanad pengajian ilmu, ataupun mereka mendakwa mempunyai sanad, tetapi antara sesama mereka*”.

Menurut informan 4 perkara paling penting sekali pendakwah perlu tahu kepentingan mengikut ulama. Hasil kajian beliau berkenaan ahli ekstremisme ini mereka tidak mengikut dan tidak menghormati ulama yang muktabar, mereka nak al-Quran dan sunnah sahaja dalam Islam. Sebab itu, dalam hal ini, informan 4 menegaskan apabila kita memperkenalkan ahli

sunnah itu terangkan secara lengkap bab fiqah, akidah dan tasawwuf. Itu adalah asas.

MENGUTAMAKAN KELESTARIAN ILMU BERBANDING POPULARITI

Budaya populis ini berlaku pada orang awam dan berlaku juga pada orang yang terpelajar. Menurut informan 1, ada juga orang yang belajar agama tetapi dia mengambil pendekatan populis. *“Jadi bila populis ini risiko dia adalah dia akan kata benda itu boleh walaupun tidak betul, tapi dia anggap benda tersebut dibenarkan akan menyebabkan dia popular. So it can work both way. Maknanya dia boleh jadi untuk dia popular, tu dia akan kata apa salahnya. Macam liberal lah, apa salahnya, Islam tak sempit, kalau orang tu khalwat itu privasi dia. Islam tak pernah ganggu privasi. So dianggap benda tu boleh jadi popular, dia anggap dia tu open minded supaya masyarakat boleh terima dia”*.

Disebabkan itu pentingnya seorang pendakwah dalam mengutamakan kelestarian ilmu. Pertama, pemikiran pendakwah dia hanya medium menyampaikan kebenaran, bukan dia tu yang menjadi tujuan. Pendakwah tu kena anggap saya ini hanya alat sahaja. Alat untuk agama. Target utama pendakwah untuk memahamkan masyarakat apa yang disampaikan. Kalau masyarakat tidak faham dan jelas mereka tidak akan peroleh kebaikan. Informan 4 juga menegaskan *“apabila kita bercakap benar, kita menyelamatkan masyarakat. Percakapan yang benar menyelamatkan banyak orang”*. Seterusnya, niat kepada Allah. Informan 2 mengatakan *“Sebab kalau niat kerana diri sendiri, nak popular ke, nak pujian orang ke dia takkan jadi wasatiyyah. Dia akan jadi lebih melawak, terlebih politik, dia akan jadi terlebih macam-macam”*. Maka niat kita kerana Allah. Bukan kata tak boleh lawak. Lawak itu sekadar nak hilang ngantuk tapi target kita supaya masyarakat seru kepada Allah. Sebab realiti sekarang ini ada pendakwah menyeru masyarakat kepada dirinya. Seterusnya, para pendakwah itu sendiri perlu sentiasa ‘upgrade’ ilmu pengetahuannya dan perkara paling penting pendakwah itu sendiri tak perlu segan minta maaf bila tidak dapat menjawab sesuatu perkara. Sikap itu yang kurang ada pada segelintir pendakwah sekarang ini menyebabkan segelintir mereka terus menjawab tanpa kepastian. ‘perkara ini boleh memberi impak buruk kepada masyarakat.

Oleh itu walaupun besar mana pengaruh seseorang, pendakwah perlu tahu autoriti agama. Dalam penyampaian melalui penulisan khususnya,

pendakwah perlu bercakap dalam bidang masing-masing. Panel 1 menegaskan *“Mungkin pengalaman dakwah mereka banyak, tapi kalau isu itu isu fiqah, kena rujuk pakar feqah. Tak semestinya kita ni pendakwah kita kena jawab semua. Menurut informan 4 “ Bila pendakwah bercakap pada bukan bidang dan bagi saya kebanyakan masyarakat tak sedar ia akan bukap peluang ideologi ekstremis ini disebarkan dalam fahaman masyarakat kita. Contohnya bagi saya pendakwah yang tegar itu bila dia menyeru kepada tokoh yang sama juga diangkat oleh golongan ekstremis, jadi kita susah nak berdepan dengan golongan ekstremis”*.

Jadi sepatutnya naratif jabatan agama perlu aktif melalui media sosial disebabkan ramai masyarakat Melayu Muslim kini belajar agama melalui ceramah, penulisan yang terdapat di media yang semestinya tanpa kawalan. Maka di sini tugas pendakwah atau pihak agama yang mempunyai kepakaran perlu merencanakan penggunaan media sosial dengan mengutamakan kelestarian ilmu.

MEMENTINGKAN ASPEK ETIKA DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN DALAM PENULISAN

Cabaran dalam media sosial khususnya melalui penulisan, bukan sahaja masalah ekstremisme tetapi terdapat juga masalah politik, berita palsu yang semuanya diperolehi di hujung jari. Sumber rujukan yang tidak pasti kesahihannya terlalu banyak tanpa kawalan. Jadi ia sangat mencabar (Informan 2). Namun, informan 1 menyatakan matlamat dakwah juga boleh dicapai apabila para pendakwah dapat memanfaatkan dengan menggunakan medium media sosial yang lebih terbuka seperti Youtube, instagram, whatsapp dan sebagainya. Itu semua medium yang boleh menyampaikan maklumat-maklumat tentang Islam dengan memberi pemahaman yang benar kerana jika tidak mereka mengambil sumber yang salah daripada medium yang sama. *“Jadi sekiranya kita tidak menggunakan medium dakwah yang luas ataupun yang kita panggil elektronik sekarang maka sudah pasti ia akan mengganggu ataupun merencatkan perjalanan dakwah itu sendiri”*. Hal ini menunjukkan kepentingan penjagaan etika dan kebertanggungjawaban pendakwah tentang penulisan dan bukan hanya mengejar populariti.

Isu kebertanggungjawaban terhadap penulisan sangat penting menurut Hakimi (2018) Blogger yang konsisten merupakan blogger yang menggunakan namanya sendiri. Di mana identiti sebenar didedahkan

sebagai panduan pengenalan buat para pengguna blog. Perlakuan dengan mendedahkan identiti itu telah menggambarkan bahawa seseorang blogger itu mempunyai perasaan tanggungjawab ke atas blognya dan penulisannya. Identiti blogger telah membawa kepada kredibiliti sesebuah blog. Sekiranya blogger itu meletakkan tanggungjawab di suatu tahap yang tinggi, maka kepercayaan serta keyakinan pembaca pastinya akan bertambah sehingga boleh menyumbang kepada peningkatan tahap kredibiliti blog tersebut.

Hasil perbincangan meja bulat juga bersetuju, antara aspek yang perlu dipatuhi dalam menjaga etika dan tanggungjawab adalah pendakwah perlu bercakap pada bidang kepakarannya sahaja. Hal ini kerana pandangan panel 2 mengatakan “*Sebab bila pendakwah bercakap bukan pada bidang dia, maka dia akan langgar batasan ilmu dan disiplin ilmu itu lari. Dari sudut positifnya ramai yang boleh menerima tapi terdapat juga segelintir yang langgar batasan. Contohnya tak menghormati pada fatwa setempat sebab dia tak mahir dan hanya memberi pandangan mengikut fahaman dan pendapatnya sahaja*”. Panel 5 juga bersetuju bila mana “*semangat mengatasi ilmu itu boleh menimbulkan ekstrem. Kadang semangat untuk mempertahankan itu betul tapi bila tak bersandar pada ilmu, semangat itu tak disalurkan dengan betul*”. Maka dalam menjaga etika penulisan seharusnya pendakwah itu bercakap dalam bidang masing-masing.

MENGUTAMAKAN KESANTUNAN BAHASA

Kesantunan penulisan merujuk kepada kehalusan ketika menggunakan bahasa yang melibatkan penggunaan dan pemilihan kata, frasa, ayat dan ungkapan dalam penulisan. Aspek yang perlu diberi perhatian dalam kesantunan penulisan ialah penggunaan kata panggilan yang betul, pengaplikasian kata sapaan yang betul, gaya bahasa yang indah serta pemilihan kata dan ayat yang sesuai dengan konteks. Sementara topik dan isinya pula tidak menyentuh isu sensitif (Sara Beden 2019). Maka dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat pendakwah juga perlu menitikberatkan kesantunan bahasa kepada mad'u. Informan 2 memberi pandangan “*Seeloknya penulisan kena jelas, tak perlu menggunakan bahasa-bahasa yang bombastik sangat, orang tak faham*”.

Malah, informan 4 menyatakan pendakwah bukan hanya menggunakan bahasa yang lembut semata mata, asasnya memang kena bercakap dengan bahasa yang sopan santun tetapi adakalanya kita guna bahasa

yang tegas bukan keras tapi itu pada keadaan tertentu. Contohnya “*Bila melibatkan isu yang bukan khilafiah. Macam kita kena tegas bab kafir mengkafirkan ni. Maksudnya siapa yang mengkafirkan umat Islam, sebahagian ulama kata boleh jatuh kufur. Maka, kita kena bagi tahu jelas*”. Jadi itulah sopan santun dan jelas perlu disesuaikan dengan keadaan semasa.

MENGHORMATI KEILMUAN KARYA ASAL

Dalam penulisan, seseorang itu bertanggungjawab dalam menjaga dan menghormati keilmuan karya asal daripada memanipulasi penulisan tersebut. Trend kini juga mendapati terdapat banyak penulisan yang tidak diketahui penulisnya hanya sekadar menggunakan gelaran ‘anonymous’. Perkara ini menjadi ikutan masyarakat yang mudah percaya hanya sekadar ‘posting’ tersebut ramai pengikut. Menurut panel 1 dalam perbincangan meja bulat juga berpendapat, penulisan ‘anonymous’ ini menjadikan seseorang itu berani. “*Sebab dia bebas menulis tanpa orang tahu*”. Maka, parameter penulisan yang perlu dipatuhi oleh para pendakwah semestinya perlu menegaskan tentang etika dalam penulisan. Tidak boleh jadi anonymous kerana aspek kebertanggungjawaban dalam menulis sesuatu itu perlu ada termasuklah rujukan supaya tidak timbul isu plagiat dan tidak menghormati karya ilmuwan asal.

Panel 4 juga bersetuju kerana bilamana kebebasan dari sudut penulisan itu tanpa had, semua orang bebas menulis, maka bahan bacaan tidak terkawal dan akan membawa kekeliruan dalam masyarakat. Mereka tidak tahu sumber karya ilmuwan sebenar kerana terlalu banyak penulisan yang seakan sama tetapi tidak tahu sejauh mana kesahihan sesuatu perkara. Dalam hal ini, pihak berkuasa seperti JAKIM perlu membangunkan satu mekanisme untuk mengawal dan menapis penulisan-penulisan yang bermacam dan pelbagai sumber yang tidak diketahui kebenarannya.

MERANGKUMKAN ANTARA AMAR MAKRUH DAN NAHI MUNGKAR SECARA BERHIKMAH

Parameter penulisan yang perlu dilaksanakan oleh para pendakwah bukan sekadar menyampaikan amar makruh tetapi amat perlu kepada mencegah kemungkaran. Hal ini kerana menurut informan 1, cabaran yang kita dapati ialah pendakwah setempat untuk deradikalisasi Melayu ini perlu mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menolak dan juga menangkis syubahah-syubahah yang dibawa oleh masyarakat luar ke dalam negara kita. Jadi

kebanyakan kita tengok ekstremis melayu ini rata ratanya mereka terpengaruh dengan dakwah daripada luar sama ada dari Indonesia ataupun negara barat yang menggunakan bahasa Inggeris kerana rata-rata yang terjebak itu lah mereka yang tidak mempunyai asas pendidikan agama daripada awal". Disebabkan itu pendakwah bukan hanya perlu menyampaikan kebenaran kepada masyarakat tetapi perlu kepada menangkis segala perkara mungkar yang bertentangan dengan Islam.

Dalam era kecanggihan media sosial, sudah pasti ada isu tentang perlu atau tidak pendakwah menegur kesalahan individu secara umum?. Informan 2 menegaskan bahawa tanggungjawab pendakwah bukan suruh makruf sahaja termasuk juga cegah kemungkaran. Jadi kalau ada yang buat salah kita kena cegah dia dari kemungkaran tu termasuk mencegah kemungkaran itu dia kena cakap la dia salah. Pandangan informan 2 perlu atau tidak tegur secara umum adalah bergantung pada keadaan. *"Kalau benda tersebut tidak memerlukan teguran secara spesifik. Umum pun takpa, tanpa nyatakan kesalahannya. Namun, jika kesalahan tu masuk dalam 'al-mutajahil bil isim' dia mempromosikan kesalahan dia, jadi kena spesifik orang ni buat tak betul. Bercanggah dengan hukum. Ikut kesalahan dia kalau dia dedahkan secara public dengan rasa tak bersalah, maka kena tegur secara spesifik lah. Tapi mungkin sesetengah orang tu kesalahan dia tak diketahui, tapi dia ada tersilap cakap, kita pun tak nak malu kan dia, itu cakap secara umum. Itu bukan dikatakan menyebarkan aib. Tapi tegur tanpa menyebut nama pelaku".* Jelas

disini, pendakwah perlu terangkan kebatilan sebagai kebatilan. Kalau kita terangkan yang betul sahaja tanpa menerangkan kebatilan sesuatu perkara, dakwah tersebut tidak sampai matlamatnya (Informan 4).

Perkara ini disokong oleh munawwar et al. (2021) Perubahan pesat teknologi dan kepelbagaian media penyebaran juga menjadi faktor kenapa fahaman ekstremis mudah menyelusup masuk ke seluruh dunia dan mempengaruhi bukan sahaja golongan bawahan bahkan termasuk cerdik pandai dan profesional. Situasi ini akan menjadi lebih buruk jika kita hanya duduk diam menunggu dan sesekali merasa terkejut melihat peristiwa demi peristiwa berlaku tanpa melakukan apa-apa tindakan. Sebaliknya usaha berterusan perlu difikir, diteliti, dirancang dan dilaksanakan bagi membendung fahaman ini daripada berterusan mengganggu fitrah dan kerukunan beragama manusia.

Malah hasil dapatan perbincangan meja bulat, kesemua panel bersetuju bahawa perkara asas pendakwah perlu faham konsep sebenar dakwah wasatiyyah. Sebab kunci inti pati yang tidak betul menyebabkan masyarakat kita tidak wasatiyyah jugak. Hal ini kerana menurut panel 4 *"Ada segelintir pendakwah kata kita tidaak boleh kasar kasar. Tu bukan wasatiyyah sedangkan ada tempat yang kasar itu dinamakan wasatiyyah juga. Takkan kita nak biarkan dakwah secara lembut, last last mereka menentang kita. Tetapi tindakan pendakwah perlu berdasarkan undang-undang sedia ada kat negara kita".*

CAPTION JADUAL 1.

Bil	Ciri Penulisan Ghuluw	Ciri Penulisan Wasatiyyah	Parameter Wasatiyyah
1	Fanatik Terhadap Suatu Pandangan Tertentu	Penulisan didasarkan kepada al-Quran dan Sunnah serta huraian para ulama	Memastikan kaedah (manhaj) pendalillan yang sahih dan tepat menurut ahli sunnah wal jamaah. Mengiktiraf kesarjanaan ulama silam. Mengutamakan kelestarian ilmu berbanding populariti.
2	Menulis Bukan Dalam Bidang	Mempunyai Rujukan yang Muktabar	Memastikan sumber rujukan yang muktabar mengikut mazhab ahli sunnah wal jamaah. Mementingkan aspek etika dan kebertanggungjawaban dalam penulisan. Memastikan sumber rujukan yang muktabar mengikut mazhab ahli sunnah wal jamaah.
3	Berprasangka Buruk Terhadap Orang Lain	Keadilan Meletakkan Sesuatu Pada Kehendak Setempat	Mengutamakan kesantunan bahasa. Menghormati keilmuan karya asal. Merangkumkan antara amar makruf dan nahi mungkar secara berhikmah.

Sumber: Kajian 2021

KESIMPULAN

Keharmonian dan keseimbangan antara keperluan jasmani dan rohani dalam kehidupan bermasyarakat dapat realisasikan dengan menyebarkan penulisan wasatiyyah. Penulisan bentuk ini dapat membentuk masyarakat yang celik ilmu pengetahuan, berani dalam semua tindakan kerana menyertakan rujukan dalam setiap apa yang ditulis, kesantunan bahasa dapat dijadikan amalan, budaya menghormati karya asal para ulama dapat dititikberatkan dan setiap anggota masyarakat mementingkan soal etika dan kebertanggungjawaban terhadap apa yang ditulis. Para pendakwah sebagai penyampai kepada masyarakat tentang wasatiyyah dakwah dan sebagai contoh teladan dari aspek amalan dalam membentuk masyarakat yang harmoni.

Islam mengajarkan umatnya untuk bersifat wasatiyyah dalam segala hal terutamanya ketika berdakwah. Dengan kata lain, Islam melarang umatnya bertindak berlebihan, melampaui batas, bersikap fanatik, dan melakukan kekerasan. Maka parameter penulisan wasatiyyah ini boleh dijadikan panduan kepada para pendakwah untuk membimbing masyarakat Melayu Muslim dengan metodologi yang tepat dan tidak bersifat ekstrem atau berlebih-lebihan.

PENGHARGAAN

Artikel ini diterbitkan sebagai sebahagian daripada penemuan penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Galakan Penyelidik Muda Universiti Penyelidikan (GGPM 2018-032) "Parameter Pendakwah Wasatiyyah untuk Diredikalisasi Ekstremis Melayu Muslim".

SUMBANGAN PENGARANG

Dr. Mohamad Zulkifli Abdul Ghani. Konsep keseluruhan artikel, idea dan isi kandungan serta menghasilkan artikel. Nur Nazira Rahim. Mengumpulkan data, mencari sebahagian rujukan dan menyusun perbincangan. Dr Khazri Osman. Menyemak gaya Bahasa serta penyusunan sumber rujukan. Rosmawati Mohamad Rasit. Metodologi dan penyusunan data.

RUJUKAN

Abdul Hafiz Muhammad al-Khabisi. 2011. *Usus wa Masadir Kitabah al-Sirah al-Nabawiyyah*. Iraq: Majalah Midad al-Aadab. Juzuk 3.

- Adam Badhrulhisham. 2016. Ahli sunnah wal jamaah dan pemakaiannya di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Ulwan* 1: 128-149. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/77>.
- Ahmad Munawar Ismail & Siti Madihah Kamaruddin. 2020. Reaksi masyarakat Islam di Malaysia terhadap ekstremisme. *Islamiyyat* 42(1): 103-112.
- Ahmad Munawar Ismail Abdul Muhaimin Mahmood Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2021. Mengenal pasti perwatakan ekstremis melalui disiplin fiqh taayush. *ISLAMIYYAT* 43(1): 121 – 134. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4301-11>.
- Ahmad Munawar Ismail dan Siti Madihah Kamaruddin. 2020. Reaksi masyarakat Islam di Malaysia terhadap ekstremisme. *ISLAMIYYAT* 42(1): 103–112.
- Ahmad Munawar Ismail Siti Madihah Kamaruddin. 2020. Reaksi masyarakat Islam di Malaysia terhadap ekstremisme. *ISLAMIYYAT* 42(1) 2020: 103 – 112. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4201-12>.
- Ahmad Munawar Ismail, Abdul Muhaimin Mahmood & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2021. Mengenal pasti perwatakan ekstremis melalui disiplin fiqh taayush. *Islamiyyat* 43(1): 121-134.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abdullah. 1990. *Islamic Awakening between Rejection & Extremism*, Ed. A.S Al-Shaikh Ali & Mohamed B. E. Wasty. Herndon: American Trust Publication & The International Institute Of Islamic Thought.
- Al-Quran
- Burhanuddin Amak & TriyoSupriyatno. 2018. *Mazhahir al-Tathoruf wa al-Ghuluw wa in 'ikasatiba ala Waqi' ina al-Alam al-islami al-Mua sir (Memutuskan Mata Rantai Ekstremisme Agama)*. Indonesia: UIN-MALIKI PRES.
- Ferguson, K. 2016. *Countering Violent Extremism Through Media and Communication Strategies: A Review of the Evidence*. The Partnership for Conflict, Crime and Security Research, University of Cambridge.
- Gordon, T., Yair Sharan, Elizabeth Florescu. 2015. *Prospects for Lone Wolf and SIMAD Terrorism, Technological Forecasting and Social Change* 95: 234-251.
- Informan 1. Abdull Rahman Mahmood. 2020. Pesarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Temu Bual, 13 Ogos 2020.
- Informan 2. Engku Ahmad Fadzil. 2020. Pendakwah Bebas Lulusan (BA) Undang-Undang Syariah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Temu Bual, 26 Ogos 2020.
- Informan 3. Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2020. Pesarah Kanan, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Fakulti Pengajian Islam. Temu Bual, 14 Ogos 2020.
- Informan 4. Abdullaah Bin Jalil. 2020. Pesarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. Temu Bual, 1 September 2020.
- Kamilia Hamidah & Arif Chasannudin. 2021. Mechanization of Islamic moderation da'wah in the Nahdlatul Ulama pesantren tradition. *Jurnal Ilmu Dakwah* 41(1). <https://journal.walisongo.ac.id/index.php/dakwah/article/view/7134>.
- M. Afif Anshori, Zaenuddin Hudi Prasajo & Lailial Muhtifah. 2020. Contribution of sufism to the development of moderate Islam in nusantara. *International Journal of Islamic Thought*.
- Mansourah Ebrahim, Kamaruzaman Yusoff & Arieff Salleh Bin Rosman. 2022. Moderation in Islam: A comparative case study on perception of international students in Malaysia. *Journal of Islamic Thought and Civilization (JITC)* 12(1).

- Maynard, D., Ian Roberts, Mark A. Greenwood, Dominic Rout, Kalina Bontcheva. 2017. A framework for real-time semantic social media analysis. *Web Semantics: Science, Services and Agents on the World Wide Web* 44: 75-88.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad, Wan Hilmi Wan Abdullah, Muhammad Arif Yahya, Abdul Ghafar Don, Miftachul Huda and Andino Maselena. 2020. The Moderation of Da'wah in Empowering Islamic Lifestyle. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation* 24(1). <https://www.psychosocial.com/article/PR200126/9336/>
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Ruzian Markom. 2017. Penerapan nilai-nilai wasatiyyah dalam tadbir urus syariah bagi sistem perbankan Islam di Malaysia. *International Journal of West Asian Studies* 9(1): 12-24.
- Mohd Kamal Hassan. 2011. *Voice of Islamic Moderation From the Malay World*. Ipoh: EMIR.
- Mohd Yusaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah. 2015. Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 33-46-I.
- Muhamadul Bakir & Khatijah Othman. 2017. Wasatiyyah (Islamic Moderation): A conceptual analysis from Islamic knowledge management perspective. *Journal of Islamic Thought and Civilization (JITC)* 7(1).
- Muhammad Awamah. 2013. *Ma'alim Irsyadiyah Li Shina'ah Tholib al-Ilm*. Jeddah: Dar al-Minhaj li al-Nasr wa al-Tauzi'.
- Muhammad Ayman Al-Akiti & Zainul Abidin Bin Abdul Halim. 2019. Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Konteks Alam Melayu. Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunnah Waljamaah 3.0 (SUNNI 2019) Melestarikan Warisan Pemikiran Salaf dalam Masyarakat Malaysia 21 Disember 2019 | Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh (43.101), Universiti Kebangsaan Malaysia. © Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. <http://www.ukm.my/sunni/>.
- Muhammad Faisal Ashaari. Mohamad Zulkifli Abdul Ghani & Zulkefli Aini. 2018. Wasatiyyah Ialah Keseimbangan Dalam Beragamabukan Kesederhanaan dlm Rahmah Li Al-Alamin : Dakwah dlm. Masyarakat Majmuk Di Malaysia. *Universiti Kebangsaan Malaysia* (85-101).
- Muhammad Hakimi Tew Abdullah Muhamad Hanapi Khamis Zuliani Mohd Azni. 2018. Pendemokrasian maklumat blog: Isu Akauntabiliti dalam kalangan blogger di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysia* 34(3): 361-378.
- Muhd Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli & Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2016. Aplikasi maqasid al-shari'ah dalam menilai fiqh jihad aliran ekstremisme agama. Dlm. *Maqasid al-Shariah: Aplikasi dalam Aspek Sosial dan Perundangan* disunting oleh Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Shahidra Abdul Khalil. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Musthafa al-Siba'e. 1993. *The Biography Seerah of Allah's Prophet. (terj.)* Ghassan Abdel Fattah. Dar Makkah: Carlo Shariffa.
- Nazmi Yaakub. 2019. *Berita Harian*. Dicapai 22 Februari 2021. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/558684/enggan-ikut-ulama-muktabar-bercanggih-amalan-sahabat>.
- Nazmi Yaakub. 2019. Enggan ikut ulama muktabar, bercanggih amalan sahabat, *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/558684/enggan-ikut-ulama-muktabar-bercanggih-amalan-sahabat>.
- Nazneen Ismail, and Aemy Elyani Mat Zain, and Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, and Maryam Habibah Kamis. 2018. Pendekatan fiqh ta'ayusy dalam menangani konflik antara agama. *Islamiyyat* 40(2): 151-160.
- Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh. 2017. Cabaran Dakwah Islam Di Alam Siber Special Articles. *Journal of Social Science And Humanities*. (December, 2017): 005 Issn: 1823-884x
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*, Cet. Ke-3. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Panel 1. Yusri Mohamad. 2020. Mantan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) yang ke-12. Perbincangan Meja Bulat, 27 Julai 2020.
- Panel 2. Muhamad Zuhaili Bin Saiman. 2020. Pedakwah bebas lulusan Ijazah kedoktoran (Ph.D) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Perbincangan Meja Bulat, 27 Julai 2020.
- Panel 3. Nor Raihan Bin Aziz, 2020. Pedakwah Bebas Lulusan (BA) Bidang syariah di Universiti Sadat Damsyik. Perbincangan Meja Bulat, 27 Julai 2020.
- Panel 4. Syed Shahridzan Syed Mohamed. 2020. Pendakwah Bebas & Setiausaha Agung Ikatan Ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia (ISLAMI). Perbincangan Meja Bulat, 27 Julai 2020.
- Panel 5. Abdul Ghafar Don. 2020. Prof Madya Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Perbincangan Meja Bulat, 27 Julai 2020.
- Sara Beden. 2019. Prinsip dan strategi kesantunan penulisan dalam artikel ruangan agenda bahasa. *Issues In Language Studies* 8(1): 104-129.
- Sihabuddin Afroni. 2016. Makna ghuluw dalam Islam: Benih ekstremisme beragama. *Wawasan: Jurnal Ilmiah Agama Dan Sosial Budaya* 1(1): 70-85.
- Sohana Abdul Hamid. 2016. Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. 2016. *Journal of Social Science and Humanity*. Special Issue 1.
- Umar Abdullah Kamil. 2002. *Al-Mutathorrifun Khawarij al-Asr*. Lubnan: Bisan li al-Nasr wa al-Tauzi' wa al-I'lam.
- Wan Kamal Mujani Ahmad Munawar Ismail Nurfida'iy Salahuddin. 2020. Ancaman Pemikiran Radikal dan Ekstremisme di Nusantara. *ISLAMIYYĀT* 42(1) 2020: 85 – 92. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4201-10>.
- Zul'Azmi Yaakob & Ahmad Sunawari Long. 2015. Terorisme Sebagai Cabaran Ideologi Muslim Masa Kini: Satu Analisis Dari Perspektif Falsafah. *International Journal of Islamic Thought* 7: (June) 2015.